

10 APR 1997

Mahathir-Pulang

DR MAHATHIR PULANG SELEPAS LAWATAN KE KUWAIT, BAHRAIN DAN PAKISTAN

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air pagi ini dari lawatan ke dua negara Teluk dan Pakistan.

Dr Mahathir berada tiga hari di Kuwait dan tiga hari di Bahrain sebelum melakukan lawatan kerja ke Pakistan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri, timbalan menteri serta para pemimpin parti komponen Barisan Nasional berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz dekat sini untuk menyambut kepulangan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan hasil lawatan itu yang dapat mengukuhkan hubungan dengan ketiga-tiga negara berkenaan.

"Banyak perkara yang dibincangkan dan akan disusuli," katanya kepada pemberita sejurus tiba di lapangan terbang.

Lawatan Dr Mahathir ke negara-negara teluk itu bertujuan antara lain meningkatkan hubungan perdagangan serta menggalakkan kerjasama antara usahawan Malaysia dan rakan mereka di Kuwait serta Bahrain.

Mengenai lawatannya ke Pakistan, Dr Mahathir berkata beliau ke sana kerana tidak dapat menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini.

Lawatan itu membolehkan Dr Mahathir bertemu dengan Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif yang menerajui semula kerajaan Pakistan setelah memenangi pilihan raya baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata Nawaz Sharif berminat meningkatkan hubungan Pakistan dengan Malaysia.

Antara lain mereka membincangkan kemungkinan Pakistan menghantar para pegawai dan ahli politik untuk mengkaji pembangunan di Malaysia. -- BERNAMA

AZZ RON